



ORANG CINA

**Siti Razmah Hj. Idris
Fatimah Azzahra**

Editor:
Sulaiman Zakaria



PENERBIT PINANG

No. 14, Jalan SS 4/17, 47301 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-7762300/7774678 Fax: 603-7762300

© PENERBIT PINANG
Cetakan Pertama 1996

ISBN 983-055-073-7 (SET)
ISBN 983-055-075-3

AMARAN ATAS HAKCIPTA

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang berulis terlebih dahulu daripada pihak PENERBIT PINANG.

APB 931611

25 NOV 1997

NASKHAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PENERBIT PINANG

No: 14, Jalan SS4/17, 47301 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-7762300/7774678. Fax: 603-7762300

206-08951

SIT

DR/AM

Dicetak oleh: Shian Tai (M) Sdn. Bhd.
Tel: 3429222 Fax: 3422886

C&V

PRAKATA

Malaysia mempunyai penduduk yang berbilang kaum dan agama. Perbezaan ras dan anutan ini telah mewujudkan unsur-unsur budaya dan adat resam yang pelbagai dan menjadikan budaya Malaysia amat unik. Bagaimanapun, ciri-ciri budaya yang telah diamalkan sejak turun temurun mulai terhakis akibat arus pembangunan dan pmodenan yang melanda negara. Akibatnya, ciri-ciri budaya tradisional tidak dapat dihayati oleh generasi akan datang.

Sehubungan dengan itu, buku-buku dalam Siri Budaya Masyarakat Malaysia ini telah menampilkan secara ringkas keterangan tentang sebahagian daripada ciri-ciri budaya masyarakat yang terdapat di negara ini khususnya yang telah pupus.

Kebudayaan masyarakat Melayu menjadi teras kepada kebudayaan di Malaysia. Adanya pelbagai suku kaum dalam rumpun Melayu telah memperkaya lagi budaya orang Melayu yang merupakan kaum terbesar dan penduduk peribumi negara ini. Untuk

menjelaskan perbezaan dari segi amalan dan cara hidup, budaya kaum Jawa dan Minangkabau dipilih untuk kupasan,

Kaum minoriti yang terdiri daripada kaum Serani, Sikh, Chitty, Baba Nyonya dan Thai merupakan sebahagian daripada penduduk Malaysia yang turut mempelbagaikan budaya Malaysia. Sekiranya masyarakat Baba dan Nyonya dikategorikan sebagai golongan Cina Peranakan, Masyarakat Chitty pula adalah golongan Hindu Peranakan. Ini jelas menunjukkan suku-suku kaum ini wujud hasil daripada percampuran dua budaya yang berbeza.

Kebudayaan Kebangsaan merupakan hasrat kerajaan untuk melihat rakyat Malaysia berada bawah satu identiti dan corak budaya yang sama. Justeru itu, Dasar Kebudayaan Kebangsaan digubal dan pelbagai saranan dan pelaksanaan dibuat untuk mencapai maksud tersebut. Untuk itu semua ciri kebudayaan kebangsaan haruslah dihayati bersama supaya membawa hasil yang membanggakan.



KANDUNGAN

Pengenalan.....	1
Perkahwinan.....	2
Hari Perkahwinan.....	12
Kelahiran.....	18
Perayaan-perayaan.....	28
Penutup.....	36

PENGENALAN

Orang Cina merupakan salah satu daripada tiga kaum yang terbesar di Malaysia. Penghijrahan mereka ke Tanah Melayu beberapa kurun yang lampau telah mewujudkan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang majmuk.

bertubuh sederhana, berkulit cerah dan bermata kecil. Orang Cina amat menghormati keturunan mereka. Neneh moyang atau ibu bapa mereka yang telah mati disembah bagi mendapat restu pada setiap kali perayaan terutama pada hari perkahwinan. Setiap ahli baru yang



Unsur budaya Cina

Orang Cina di Malaysia hidup secara harmoni, aman dan damai bersama-sama orang Melayu sebagai penduduk asal Malaysia serta kaum India dan kaum-kaum lain. Semua rakyat berkongsi rasa hormat menghormati, bertolak ansur, tolong menolong dan saling faham memahami antara satu sama lain.

Orang Cina dapat dikenali dengan mudah. Rata-rata mereka

dibawa masuk ke dalam keluarga harus diperkenal kepada nenek moyang supaya restu mereka akan sentiasa tercurah.

Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa kewujudan masyarakat majmuk di Malaysia dengan ciri-ciri kebudayaan yang tersendiri tambah memeriahkan lagi ciri-ciri kebudayaan rakyat Malaysia.

PERKAHWINAN

Orang Cina mempunyai adat resam dan pantang larang yang agak unik. Kehidupan mereka yang dipengaruhi oleh suasana dan faktor alam sekeliling menyebabkan mereka terlalu mempercayai kepada nasib. Oleh yang demikian, segala tindakan yang diambil harus berhati-hati.



Kaum Cina di Malaysia

Mereka terlalu bergantung kepada khidmat tukang tilik dalam hal-hal seperti perkahwinan, kelahiran dan kematian. Ini disebabkan perkahwinan merupakan satu titik tolak yang akan membawa kepada satu perubahan yang besar dalam hidup seseorang. Oleh itu, sesuatu perkahwinan hendaklah dirancang dan diatur sebaik-baiknya seperti berdasarkan waktu dan hari lahir pasangan tersebut.

1. Persediaan untuk Berkahwin

Menurut kepercayaan orang Cina, pasangan yang berkahwin tanpa mengikut aturan adat dianggap tidak sah. Terdapat dua bentuk perkahwinan yang diamalkan oleh masyarakat Cina, iaitu:

- i. *Eksplisit*- iaitu pasangan yang dicari oleh ibu bapa atau saudara (Matchmaker), atau pasangan hidup seseorang itu dipilih oleh orang lain (moi-ngin) dengan merisik.
- ii. *Implisit*- iaitu kedua-dua lelaki dan perempuan diberi kebebasan untuk memilih pasangan masing-masing. Pihak lelaki juga tidak perlu meminta izin terlebih dahulu daripada pihak perempuan, malahan kedua-dua lelaki dan perempuan sudah bersedia untuk menuju ke gerbang perkahwinan.

2. Merisik

Orang Cina melakukan adat merisik untuk mengetahui latar belakang keluarga wanita. Mereka amat mengambil berat tentang nama, keturunan, peribadi, watak dan



Gadis Cina masa kini

tingkah laku si gadis. Ciri-ciri ini penting untuk mewujudkan perkahwinan yang berkekalan.

Setelah mengenal antara satu sama lain, kedua-dua pihak lelaki dan perempuan akan berbincang tanpa kehadiran si lelaki dan si gadis. Perbincangan dilakukan berkisar tentang perkara-perkara umum terutama dari segi latar belakang dan asal keturunan. Dalam hal ini, nasihat dan pendapat saudara mara amat penting bagi membuat keputusan.

3. Meminang

Urusan peminangan dibuat setelah kedua-dua pihak berpuas hati dengan latar belakang keluarga masing-masing. Seorang wakil (perempuan) dipilih untuk berkunjung ke rumah si gadis bagi menetapkan jumlah hantaran dan mas kahwin. Pihak lelaki tidak akan tawar menawar kerana bimbang akan menjatuhkan maruah.

Segala ketetapan yang telah dipersetujui, diberitahu kepada kedua-dua ibu bapa pihak lelaki. Ibu bapa si lelaki akan berbincang dengan anaknya untuk menyediakan segala permintaan daripada pihak perempuan. Setelah kedua-dua pihak sudah saling mengenal dan bersetuju untuk berkahwin, barulah adat pertunungan dijalankan.

4. Pertunungan

Penentuan tarikh dan bulan untuk upacara pertunungan ditetapkan oleh pihak lelaki. Ini penting kerana sekiranya dilakukan pada waktu yang tidak sesuai, akan ditimpa bencana dan nasib yang buruk. Tarikh dan masa ditentukan atas nasihat tukang tilik yang berpandukan kepada buku Toong-Su.

Pada ketika itu, pihak lelaki dan bakal pengantin lelaki akan berkunjung ke rumah perempuan untuk menunaikan permintaan.

Perkara yang paling penting ialah upacara pertukaran cincin. Ini perlu dilakukan mengikut masa yang ditetapkan. Cincin merupakan bukti pertunangan dan mesti disarungkan pada jari manis kiri oleh kedua-dua lelaki dan perempuan sehingga tiba hari perkahwinan.

Bagi membuktikan persetujuan, gadis berkenaan akan menyerahkan sekeping kertas merah (nyen-sang) yang tertulis nama gadis, umur dan tarikh lahirnya yang didapat daripada tukang tilik berdasarkan maklumat-maklumat yang telah diberikan oleh si gadis.

Menurut adat masyarakat Cina, pasangan yang telah bertunang dibenarkan tinggal bersama. Walau bagaimanapun perkara ini bergantung kepada persetujuan kedua-dua ibu bapa pasangan berkenaan.



Tahun Monyet



Cincin tanda ikatan

Sekiranya tiada sebarang bantahan, mereka akan hidup seperti pasangan suami isteri. Pertunangan dianggap sebagai tanda bahawa seseorang itu sudah dimiliki.

Setelah Nyen-sang diterima, pihak lelaki akan mengadakan persediaan. Nyen-sang kepunyaan si gadis akan diberi kepada tukang tilik bersama-sama maklumat yang sama tentang dirinya. Tukang tilik akan menghitung hari dan masa yang sesuai berdasarkan kedua-dua Nyen-sang dan dicatat pada sehelai kertas merah yang dinamakan Nyik-kor.

Ketika menentukan hari yang sesuai, tukang tilik membuat ramalan berdasarkan tahun kelahiran. Sebagai contoh, sekiranya si gadis dilahirkan pada Tahun Monyet dan si lelaki pada Tahun Kambing, kedua-dua mereka tidak boleh berkahwin pada Tahun Harimau iaitu 10



Kecelakaan amat ditakuti

haribulan pada bulan keenam kalender Cina.

Perkahwinan orang Cina jarang-jarang dilakukan pada bulan ketujuh kerana bulan berkenaan adalah Bulan Hantu-hantu Lapar (Ngor-kwui) merayau-rayau di dunia manusia. Larangan yang tidak dipatuhi akan mengakibatkan kecelakaan (Choong-tau). Bagi mengelakkan kecelakaan, kadangkala pasangan tersebut terpaksa menunggu sehingga setahun atau lebih untuk berkahwin.

Setelah hari perkahwinan ditetapkan, tukang tilik akan menyediakan dua keping Nyik-kor dan diberikan kepada lelaki dan perempuan yang hendak berkahwin.

Nyik-kor mengandungi peraturan-peraturan dan adat-adat yang perlu diikuti oleh kedua-dua bakal

pengantin. Nyik-kor mengandungi adat-istiadat:

- a. Kor-thai-li
- b. Menggunting kain putih
- c. Hoi-mian
- d. Istiadat menyediakan katil pengantin
- e. Pemasangan kain merah pada pintu besar
- f. Song-tiu

a. Istiadat Kor-Thai-Li

Istiadat ini bermakna penyerahan barang-barang hantaran perkahwinan di antara kedua-dua belah pihak. Unsur-unsur pertukaran ini dinamakan 'You Loy You Hee'. Acara ini juga bermaksud pengambilan barang-barang yang dikhaskan daripada pihak lelaki dan diberi kepada pihak perempuan.

Barang-barang tersebut terdiri daripada:

- i. Mas kahwin (Thin-kim) yang berjumlah RM 1200 atau 2000, bergantung kepada permintaan pihak perempuan.
- ii. Biskut-biskut berbentuk putar dan berwarna merah. Pemberian biskut-biskut ini hendaklah diagih-agihkan kepada sanak saudara perempuan sebagai simbol si gadis akan berkahwin. Sekiranya sanak saudara perempuan agak ramai, banyak biskut akan diberikan. Walau

bagaimanapun sebahagian daripada jumlah biskut berkenaan akan dikembalikan semula kepada pihak lelaki.

- iii. Dua botol arak dan dua ekor ayam hidup. Kedua-dua jenis pemberian ini adalah sebagai lambang supaya pasangan ini tidak bercerai. Ayam hidup yang gemar membuat bising dianggap penuh dengan nyawa. (sang-sang mang-mang).
- iv. Seekor babi panggang diletak di atas meja yang menghadap tempat pemujaan. Doa dibaca sebelum babi berkenaan dipotong. Bahagian kepala, kaki, belakang dan ekor akan diberikan kepada si lelaki. Baki yang tinggal akan disusun semula, manakala bahagian yang dipotong digantikan dengan kertas merah.



Ayam lambang kehidupan



Kek-kek yang cantik menjadi pilihan

- v. Kek-kek dan gula-gula (martong) ini tidak begitu penting. Barang-barang ini hanya diiringi sebagai tanda supaya hubungan kedua-dua bakal pengantin akan sentiasa manis dan mesra.

Istiadat ini boleh juga dilakukan semasa upacara bertukar cincin perkahwinan atau pada hari lain seperti hari istiadat perkahwinan yang diadakan di Pejabat Pendaftaran Perkahwinan atau semasa menandatangani Buku Perkahwinan Cina (Keat Foon Ching Su).

Istiadat pemberian ini tidak diakukan oleh pihak perempuan. Mereka hanya menerima barang-barang tersebut daripada pihak lelaki tetapi adat sebelum hari perkahwinan mesti dibuat oleh kedua-dua pihak secara berasingan.

Pada masa dahulu, hantaran dan mas kahwin diberikan dalam bentuk dua lembar kulit rusa dan kain sutera. Ini disebabkan kedua-dua barang itu dianggap mahal dan sukar didapati. Justeru itu, barang tersebut melambangkan status tinggi si lelaki.


Mas kahwin juga berperanan sebagai tebusan dan bayaran ganti rugi kepada keluarga pengantin perempuan kerana telah membesarkannya. Semakin besar mas kahwin yang diberikan, semakin tinggi kedudukan dan taraf pihak lelaki.

Dengan wang yang banyak, orang Cina percaya perkahwinan akan bertambah bahagia. Mas kahwin yang kecil akan menjatuhkan maruah perempuan dan persetujuan yang diberikan semasa peminangan akan dibatalkan. Pihak lelaki dianggap kedekut dan tidak berkemampuan.

b. Istiadat Menggunting Kain Putih

Selaras beberapa hari, istiadat menggunting kain putih diadakan. Dalam istiadat ini, si lelaki dan si gadis mesti menyediakan sehelai kain putih untuk digunting dan dibuat baju. Istiadat ini mestilah dilakukan pada hari yang sama.

Tugas ini boleh dilakukan oleh bakal pengantin sendiri, seorang tukang jahit atau saudara mara yang



Sebuah mesin jahit

pandai menjahit. Li-see sebanyak RM 2 akan diberikan kepada tukang jahit sebagai penghargaan.

Kain putih digunakan sebagai tanda kesucian kepada kedua-dua bakal pengantin khususnya kepada si gadis. Warna putih juga melambangkan kematangan dan mesti dipakai semasa istiadat penyisiran rambut.

c. Istiadat Hoi - Mian

Istiadat Hoi-mian juga dikenali di kalangan masyarakat Cina sebagai istiadat Pembukaan Muka. Semasa upacara istiadat ini, bulu romah muka perempuan akan dicabut dan rambut digunting sebagai tanda perempuan berkenaan telah dewasa dan akan berkahwin. Bagi lelaki pula memadai dengan menggunting rambut.

Upacara ini biasanya dilakukan oleh seorang wanita tua yang masih



Wanita tua sentiasa disanjung

bersuami dan mempunyai anak cucu yang ramai, sebagai tanda kesejahteraan. Wanita tua atau hau-miang akan menggunakan dua helai benang yang berukuran 37.5 cm, dipegang dengan jari ibu dan telunjuk.

Benang diletakkan pada muka pengantin perempuan supaya bulu rompa pada mukanya terperangkap. Benang digelek dan bulu rompa akan tersangkut pada benang. Sebaik sahaja benang ditarik, bulu rompa akan tercabut keluar. Perempuan tua berkenaan kemudiannya akan diberi li-see.

Seterusnya rambut pengantin perempuan akan digunting dan didandan oleh seorang pendandan rambut, yang juga akan diberi li-see selain bayaran upah mendandan. Serentak dengan upacara itu, bakal pengantin lelaki juga melakukan upacara yang sama.

d. Istiadat Menyediakan Katil Pengantin

Katil pengantin perempuan terletak di rumah pengantin lelaki. Oleh itu istiadat ini tidak perlu dilakukan oleh pengantin perempuan, hanya dikehendaki menyediakan sarung katil, langsir dan lain-lain. Semua kain yang digunakan berwarna merah. Bilik dan katil dikemaskan mengikut waktu yang ditetapkan kerana mempunyai pengaruh tertentu yang melambangkan kebahagiaan.

Sekumpulan kanak-kanak disuruh berkumpul di sekeliling katil yang telah dikemaskan untuk mendapatkan anak yang ramai. Salah seorang kanak-kanak itu akan membuang gula-gula ke atas katil, manakala yang lain akan naik ke atas katil dan bergolek-golek sambil mencari gula-gula. Satu lagi cara yang digunakan ialah dengan meletakkan li-see di bawah katil dan kanak-kanak yang bergolek di atas katil akan mengambil li-see masing-masing.

Semasa adat kor-thai-li pakaian-pakaian bakal pengantin perempuan perlu dibawa ke rumah pengantin lelaki kerana dia akan bermalam di situ.

Satu bekas bulat untuk kanak-kanak buang air atau tum-toong yang mengandungi li-see turut dibawa bersama dan ditudung dengan sekeping kertas merah. Barang-barang berkenaan diletakkan di

bawah katil dan dibiarkan hingga hari perkahwinan.

e. Istiadat Pemasangan Kain Merah Pada Pintu Besar

Sehari sebelum majlis perkahwinan dilangsungkan, orang ramai diberitahu terlebih dahulu. Caranya dengan memasang sebuah kain merah di luar pintu besar rumah kedua-dua pengantin.

Kain berkenaan mestilah berukuran 270 cm panjang. Nombor sembilan dipilih sebagai tanda perkahwinan akan berkekalan dan panjang umur (chong-chong kiew-kiew). Justeru itu, kain yang dipasang berbentuk angka sembilan.


f. Istiadat Song - Tiu

Istiadat terakhir yang dilakukan sebelum majlis perkahwinan ialah istiadat song-tiu atau adat Penyisiran Rambut. Adat ini mesti dilakukan sekiranya majlis perkahwinan tersebut ingin diteruskan.

Unsur-unsur penting yang terkandung dalam istiadat ini ialah:

- Pemujaan Nenek Moyang
- Penyisiran Rambut

Adat ini dilakukan oleh kedua-dua bakal pengantin di rumah masing-masing. Mula-mula sekali mereka diarahkan supaya mandi. Air




Tempat pemujaan nenek moyang

mandi dicampurkan dengan daun-daun delima.

Selepas mandi mereka dikehendaki memakai baju putih yang dijahit dalam adat menggunting kain putih. Baju ini hendaklah dipakai sehingga pagi esok dan selepas dibuka, baju itu tidak lagi boleh dipakai sepanjang hidup.

Semasa bakal pengantin sedang mandi, keluarga mereka akan menyediakan meja pemujaan untuk upacara sembahyang. Di hadapan meja itu terdapat meja berbentuk segi empat yang ditutup dengan sekeping kertas merah yang besar.

Di atas meja diletakkan seekor ayam rebus, sepiring jambu apel, sepiring limau manis, tiga cawan kecil teh Cina, tiga cawan kecil wain beras, sebuah tong besi yang mengandungi pasir atau padi, tiga



Barang-barang istiadat Song-Tiu

batang kemenyan besar dan dua batang lilin besar (loong-foong) serta tiga buah mangkuk sup manis (tong-yuen).

Di dalam setiap mangkuk sup diletakkan sembilan biji pulut merah. Tujuan sembilan biji pulut merah diletakkan di dalam mangkuk untuk menjemput tuhan-tuhan dan nenek moyang mereka supaya datang ke majlis perkahwinan yang akan dilangsungkan.

Selain barang-barang tersebut, disediakan juga sebilah gunting, sebuah cermin, sebatang pembaris, segulung benang merah dan sebatang sikat. Barang-barang berkenaan diletakkan dalam tong besi yang berisi pasir atau padi.

Selepas itu pengantin akan bersembahyang, dengan berdiri menghadap meja permujaan.

Beberapa batang kemenyan dipegang, kemudian digerak-gerakkan tangan sebanyak tiga kali menghala ke atas dan ke bawah. Ini dilakukan supaya tuhan dan nenek moyang mereka datang untuk istiadat menyisir rambut pasangan pengantin. Alat menyisir rambut bertujuan pengantin kelihatan cantik berseri.

Selepas bersembahyang, bakal pengantin akan duduk di atas kerusi atau berdiri di hadapan meja. Ini dipercayai membolehkan nenek moyang yang sedang duduk di atas meja menyaksikan upacara tersebut. Sementara itu, sebuah dulang rotan diletakkan di bawah tempat duduk pengantin.

Seorang perempuan (bagi pengantin perempuan) atau lelaki (bagi pengantin lelaki) yang telah berkahwin dan mempunyai anak

yang ramai dipanggil bagi menjalankan istiadat berkenaan.

Mereka akan berdiri di belakang pengantin dengan memegang sikat yang telah disediakan untuk upacara itu. Tugas menyisir dimulakan daripada atas kepala hingga ke kaki sebanyak tiga kali. Setiap gerakan dibaca ayat-ayat yang membawa maksud tertentu supaya bakal pengantin dan pasangannya:

- i. Panjang umur
- ii. Memperoleh perkahwinan yang bahagia
- iii. Berkemampuan melahirkan anak

Setelah selesai upacara menyisir, bakal pengantin akan makan tiga biji pulut daripada tiap-tiap mangkuk yang disediakan. Bagi pengantin perempuan, sikat berkenaan akan disimpan bersama pembaris dan segulung benang merah dalam bakul kecil. Barang-barang tersebut akan dibawa ke rumah pengantin lelaki.

Setelah istiadat ini diadakan, seseorang itu telah bertukar menjadi dewasa dan hanya orang dewasa sahaja yang boleh berkahwin.

Istiadat ini mesti dilalui oleh mereka yang hendak berkahwin. Bagi mereka yang belum atau tidak pernah mengalami perkahwinan dianggap belum dewasa sekalipun telah berusia. Sekiranya mati, roh mereka tidak layak dipuja.

Perlu diketahui bahawa orang Cina dilarang berkahwin dengan pasangan yang mempunyai nama pangkal yang sama. Ini bermakna seolah-olah mereka datang daripada jurai keturunan yang sama. Selain itu, orang Cina juga melarang perkahwinan dengan sepupu terdekat, kononnya pasangan berkenaan bakal memperoleh anak yang cacat. Kehadiran anak yang cacat dalam sesebuah keluarga dianggap membebankan.

Orang Cina juga tidak menggalakkan poligami (berkahwin lebih daripada seorang isteri). Mereka digalakkan mengamalkan perkahwinan monogami (berkahwin hanya dengan seorang isteri). Mereka yang berkahwin lebih daripada satu dianggap tidak berguna dan tidak bertanggungjawab kerana mengecewakan isterinya. Hanya isteri tua sahaja yang diiktiraf dan layak mewarisi harta suami.



Jirat

HARI PERKAHWINAN

Pada peringkat ini, seseorang perempuan akan dikahwinkan secara formal dengan bakaI suarhinya. Istiadat ini merupakan istiadat yang terakhir diadakan sebelum majlis perkahwinan. Istiadat ini turut melibatkan perpindahan pengantin perempuan ke rumah pengantin lelaki sebagai isterinya yang sah.

1. Persediaan pengantin perempuan

Pada pagi ini, pengantin perempuan masih lagi berpakaian putih, sehingga dia bersiap-siap dan



Kedai pakaian pengantin

menukar pakaian kepada pakaian pengantin iaitu gaun Barat yang dipadankan dengan sepasang sarung tangan dan stokin yang berwarna putih.

Bapa pengantin perempuan akan dipanggil untuk memakaikan sehelai kain (wedding headdress) pada kepala anaknya sebagai tanda bahawa dia bersetuju untuk "menyerahkan" anaknya kepada orang lain.

Pakaian pengantin selalunya berwarna putih, merah atau kuning yang melambangkan kemewahan dan kesejahteraan. Warna hitam, biru atau kelabu tidak dibenarkan dalam perkahwinan masyarakat Cina. Warna-warna tersebut melambangkan kematian dan kesedihan.

Pengantin perempuan akan berdiri sambil tunduk membelaangkan bapanya. Sambil meletakkan kain tersebut, bapa pengantin perempuan akan berkata bahawa anaknya telah matang dan akan meninggalkan rumah. Kemudian si bapa mengucapkan selamat. Suasana yang menyedihkan ini kadangkala membuatkan si anak menangis.

Dalam waktu yang sama, pengantin lelaki bersiap-siap untuk menjalani istiadat perkahwinan dengan memakai pakaian Barat.

2. Penerimaan pengantin perempuan

Pihak lelaki akan memilih waktu yang sesuai berdasarkan nyik-kor untuk pergi ke rumah pengantin perempuan. Beberapa buah kereta

Kadang kala pihak lelaki menggunakan orang perantaraan yang dinamakan Tai-Kim-Chea. Untuk menjalankan istiadat ini, pihak lelaki dikehendaki membawa bersama beberapa batang lilin besar dan kemenyan, sekuntum bunga dan seekor babi panggang, sekiranya barang tersebut tidak dibahagi-bagikan semasa istiadat Kor-Thai-Li.

Selain itu, seekor ayam jantan yang telah mati turut dibawa bersama



Kereta mewah yang akan dihias

dan pengiring-pengiring disediakan. Sebuah kereta dikhaskan untuk dinaiki oleh pengantin. Kereta tersebut mestilah bewarna merah sebagai tanda kebahagiaan dan mempunyai nombor pendaftaran yang cantik. Kereta yang dipilih akan dihantar ke studio foto untuk dihias.

(choo-koong kai). Bulunya dicarik-carik kecuali bahagian ekor dan sayap yang dicat dengan warna merah.

Sekiranya terdapat kematian di tempat yang berhampiran semasa dalam perjalanan ke rumah pengantin perempuan, mereka

hendaklah mengikut jalan yang lain. Ini bagi mengelakkan rombongan berkenaan bertembung dengan kereta yang membawa mayat, kononnya pasangan pengantin akan ditimpa bencana dan sial.

Sekiranya sebelum majlis perkahwinan, salah seorang keluarga pengantin meninggal dunia, perkahwinan tersebut hendaklah ditunda kepada tahun berikut. Bagaimanapun, adat lama ini telah menerima arus pemodenan. Pasangan pengantin tidak perlu menunggu selama setahun, memadai dengan ditangguhhkan selama 100 hari sebelum upacara perkahwinan itu diteruskan semula.

Setelah rombongan sampai ke rumah pengantin perempuan, semua pengiring turun kecuali pengantin lelaki. Seorang adik lelaki pengantin perempuan (kiew-chye) atau wakilnya, sekiranya pengantin perempuan tiada adik lelaki akan membuka pintu kereta untuk membolehkan pengantin lelaki keluar. Dia akan diberi li-see. Adat ini dilakukan sebagai simbol penerimaan pengantin lelaki ke rumah pengantin perempuan.

Pengantin lelaki akan menunggu di bilik tetamu. Barang-barang yang dibawa oleh pengantin lelaki diletak di atas meja pemujaan, kemudian kemenyan dan lilin akan dipasang.

Atas arahan tai-kim-chee, pengantin lelaki akan memasuki bilik

pengantin sambil membawa bunga untuk diberi kepada pengantin perempuan. Kemudian pengantin perempuan dibawa keluar untuk upacara pemujaan.

Kedua-dua pengantin akan tunduk tiga kali iaitu Kow Tow di hadapan pintu besar sebagai menghormati Tin Koong iaitu 'Tuhan Syurga'. Ini turut dilakukan di meja pemujaan sebagai menghormati nenek moyang mereka.

Kemudian, pasangan pengantin akan berlepas pula ke rumah pengantin lelaki. Pengantin perempuan akan diiringi oleh seorang pengiring sambil membawa bakul kecil yang berisi sikat, pembaris dan segulung benang merah yang digunakan semasa adat Song-Tiu. Selain itu, baju putih yang telah dipakai pada malam sebelumnya serta kain yang berwarna dibawa bersama.

Apabila pasangan pengantin memasuki kereta dan pintu kereta ditutup, seorang kanak-kanak akan membawa dua batang tebu panjang yang berakar sambil mengelilingi kereta berkenaan sebanyak tiga kali untuk mendapatkan keberkatan. Setelah itu, akar tebu berkenaan dibungkus dengan kertas merah dan diikat pada kereta.

Sebaik sahaja kereta dihidupkan, seekor ayam (kim kai) yang diikat kakinya dibaling melintasi kereta dan disambut oleh seseorang. Kemudian

Apabila pasangan pengantin memasuki kereta dan pintu kereta ditutup, seorang kanak-kanak akan membawa dua batang tebu panjang yang berakar sambil mengelilingi kereta berkenaan sebanyak tiga kali untuk mendapatkan keberkatan. Setelah itu, akar tebu berkenaan dibungkus dengan kertas merah dan diikat pada kereta.


Sebaik sahaja kereta dihidupkan, seekor ayam (kim kai) yang diikat kakinya dibaling melintasi kereta dan disambut oleh seseorang. Kemudian kereta pun mula bergerak menuju ke rumah pengantin lelaki.

Setibanya di perkarangan rumah pengantin lelaki, adik pengantin lelaki akan membuka ikatan tebu dan diberi li-see oleh pengantin

perempuan. Kedatangan pasangan pengantin lelaki ke rumah pihak perempuan mestilah berdasarkan nyik-kor.

Bagi masyarakat Cina, sebaik sahaja pengantin perempuan melangkah masuk ke rumah lelaki, dia mula mencapai status isteri. Upacara-upacara yang dilakukan di rumah pengantin perempuan turut sama dilakukan di rumah pengantin lelaki sebagai memberitahu bahawa si lelaki telah membawa balik seorang isteri.

Setelah selesai upacara ini, pasangan pengantin masuk ke bilik pengantin. Tum-toong dibawa keluar oleh seorang kanak-kanak lelaki. Tudung merahnya dibuka, li-see di dalamnya akan diambil. Kanak-kanak



Beberapa batang tebu



Semua pasangan inginkan cahaya mata

3. Upacara Minum Teh

Dua buah kerusi diletakkan menghadap ke pintu besar dan membelaikangkan meja pemujaan untuk acara ini. Pasangan pengantin akan memberi teh yang disediakan kepada saudara mara pihak lelaki.

Upacara dimulai dengan golongan yang tertua sebagai tanda penghormatan kepada mereka diikuti dengan ibu bapa si lelaki dan keluarga lebih tua daripada si suami sama ada abang ataupun kakaknya. Sekiranya ibu bapa si suami telah meninggal, caranya berbeza. Kerusi kosong disediakan dan diletakkan angpau di atasnya. Teh akan dituang di bahagian hadapan atau belakang kerusi.

Sebaik sahaja teh diminum oleh mereka yang disebutkan tadi, pasangan pengantin akan diberikan angpau yang berupa emas atau wang.

Upacara minum teh dalam adat perkahwinan Cina mempunyai mak-sudnya yang tersendiri. Adat ini melambangkan penerimaan pasangan pengantin terutamanya si isteri dalam keluarga si suami. Selain itu upacara ini sebagai satu cara untuk memperkenalkan si isteri kepada kaum keluarga suaminya.


Upacara minum teh sangat penting bagi mengekalkan perasaan menghormati orang tua, sekalipun seseorang itu sudah berumah tangga. Menghormati dan menyembah orang tua juga sebagai tanda berterima kasih atas penjagaan dan perlindungan yang diberi kepada pengantin perempuan selama ini.

Upacara ini diteruskan dengan giliran mereka yang lebih muda pula memberi minum teh kepada pasangan pengantin. Dengan berakhirnya upacara ini, pengantin perempuan telah dianggap sebagai isteri sepenuhnya. Si isteri akan tinggal di rumah si suami dan menjadi sebahagian daripada keluarga suami.

Kemuncak upacara perkahwinan ialah pada sebelah malam iaitu jamuan makan. Jamuan makan secara besar-besaran ini diadakan sama ada di rumah, dewan, restoran ataupun hotel. Tetamu yang datang akan membawa ang-pau dan menandatangani daftar kedatangan.



Sebuah hotel mewah



Kuih pau

Antara juadah istimewa yang disediakan untuk para tetamu ialah ikan, udang, ayam, daging babi, air buah-buahan, nasi goreng dan kuih pau, di samping arak sebagai minuman yang utama. Dengan menyediakan arak dapat menghiburkan hati tetamu.

Akhir sekali, sebagai bukti perkahwinan mereka, pasangan pengantin akan menandatangani dua pucuk surat perkahwinan. Surat ini dinamakan Keat Foon Ching Su dan ditandatangani di hadapan beberapa orang saksi yang terdiri daripada saudara pengantin yang terdekat.

Dalam upacara ini juga pengantin akan bertukar-tukar cincin perkahwinan.

KELAHIRAN

Mengandung

Wanita mengandung dianggap sedang mengalami satu jangka masa peralihan yang sangat penting. Dalam tempoh itu, hidupnya penuh dengan amalan-amalan yang melibatkan kuasa supernatural. Banyak pantang larang harus dipatuhi dan melingkungi sebahagian besar kehidupan wanita.

Adat-adat dan peraturan ini merupakan langkah untuk memastikan bayi yang bakal lahir selamat dan sempurna. Pantang larang yang

tidak dipatuhi akan dikenakan hukuman tertentu.

Sekiranya bayi berada di dalam kedudukan yang kuat, bayi mungkin boleh menahan diri daripada ancaman kuasa supernatural. Bayi yang dilahirkan dalam bulan kelapan, dipercayai berada dalam keadaan kritis dan boleh membawa maut. Ini disebabkan masyarakat Cina percaya angka lapan membawa maksud kematian, manakala angka tujuh membawa maksud kehidupan. Ini bermakna bayi yang dilahirkan dalam bulan ketujuh dianggap normal dan selamat.

Bulan demi bulan, bayi akan mengalami perubahan nasib dan mudah menerima ancaman. Saat yang paling genting ialah dalam jangka masa antara dua hingga tiga bulan pertama.

Dalam waktu ini, wanita berkenaan perlu berhati-hati, kerana si bayi sedang mengalami pembentukan organ-organ tubuh. Roh si bayi dipercayai boleh merayau keluar daripada jasad si ibu. Sekiranya roh si bayi cedera atau cacat, kecederaan atau kecacatan itu akan beralih kepada kelahiran bayi berkenaan.



Wanita mengandung membilang hari

Wanita yang mengandung digalakkan supaya bekerja untuk memudahkan kelahiran. Bagaimanapun kerja-kerja yang melibatkan gam dan pelekat dikecualikan kerana bimbang bayi akan terlekat di dalam perut.

Mereka ditegah makan buah-buahan yang tajam seperti nanas dan mangga. Buah-buahan tersebut dipercayai boleh menyebabkan keguguran. Kononnya, makan ketam akan menyebabkan si anak akan menjadi nakal dan sotong batu pula mengakibatkan uru bayi akan terlekat semasa proses kelahiran.


Mereka digalakkan makan sup daging, air akar kayu dan pati ayam. Makanan-makanan ini dikatakan berkhasiat untuk menguatkan badan,

melancarkan perjalanan darah dan memudahkan proses kelahiran. Walau bagaimanapun mereka tidak digalakkan makan banyak kerana dikhawatir i bayi akan menjadi besar dan menyulitkan kelahiran.

Jenis-Jenis Pantang Larang

Setiap pantang larang yang dikenakan ke atas masyarakat Cina, sekiranya dilanggar akan membawa kepada hukuman. Pantang larang yang dikenakan terbahagi kepada tiga bentuk hukuman, iaitu:

1. Pantang larang yang membawa hukuman kecederaan
2. Pantang larang yang membawa hukuman keguguran atau kematian



Makan sotong kononnya berbahaya

- Pantang larang yang membawa hukuman kecacatan

Pantang Larang Yang Membawa Hukuman Kecederaan

Pantang larang yang mengakibatkan kecederaan selalunya berbentuk kecederaan fizikal atau sakit parah. Kesihatan dan keselamatan bayi akan terancam semasa dan selepas dilahirkan. Jenis-jenis pantang larang dan hukuman-hukuman yang timbul akibat tidak mematuhi pantang larang berkenaan adalah seperti berikut:

dikatakan sebagai penjaga lantai. Bagi wanita mengandung yang melangkah atau memijak tahi lembu dipercayai akan melalui tempoh hamil sama menurut sifat seekor lembu iaitu selama 12 bulan.

Sekiranya seseorang wanita yang mengandung menghadiri acara pengkbumian atau menziarahi kematian, pertembungan antara bayi yang hidup dengan orang yang mati akan membawa kecelakaan kepada yang hidup. Semua ahli keluarga si bayi atau ibu yang terdekat juga tertakluk kepada larangan ini. Ini dikhawatirkan akan menjangkiti bayi berkenaan.

<i>Jenis-jenis Pantang Larang</i>	<i>Hukuman</i>
<ol style="list-style-type: none"> Tidak boleh duduk di hadapan pintu Tidak boleh memijak atau melangkah tahi lembu Tidak boleh merendam cadar di dalam air panas Tidak boleh menghadiri acara pengkbumian atau tempat kematian Tidak boleh mendukung kanak-kanak lain Tidak dibenarkan makan:- <ol style="list-style-type: none"> Pisang Raja Agar-agar Daging kambing 	<ol style="list-style-type: none"> Sukar melahirkan anak Akan terus mengandung selama 12 bulan Kulit bayi akan terkupas Bayi akan ditimpah nasib yang buruk dan gangguan kesihatan Bayi akan asyik menangis <ol style="list-style-type: none"> Bayi akan menghidap sawan Bayi akan menghidap sawan Bayi akan dihidapi penyakit gila babi

Bagi wanita mengandung yang gemar duduk di ambang pintu, dipercayai akan bertemu dengan kuasa ghaib yang keluar masuk melalui pintu rumah. Kuasa ghaib ini

Wanita yang mengandung juga dilarang mendukung kanak-kanak lain. Ini akan mewujudkan pertengangan di antara kedua-duanya dan menyebabkan mereka

menangis. Keadaan ini dikenali sebagai "Perebutan Bunga".

Pantang Larang Yang Membawa Hukuman Kecacatan

Pantang larang jenis ini, sekiranya dilanggar akan mengakibatkan kanak-kanak berkenaan mengalami kecacatan anggota badan. Jenis kecacatan adalah berbeza-beza mengikut jenis pantang larang yang dilanggar. Jenis-jenis larangan dan hukumannya adalah seperti jadual di bawah:

Pantang Larang Yang Membawa Hukuman Keguguran dan Kematian

Pantang larang seumpama ini dipercayai boleh mengakibatkan kematian bayi atau si ibu berkenaan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pantang larang yang dikategorikan dalam jenis ini yang akan menyebabkan wanita yang hamil mengalami keguguran. Pengkelasannya dibahagikan seperti jadual pada muka surat sebelah:

Sekiranya seseorang itu membersihkan longkang atau parit

<i>Jenis-jenis Pantang Larang</i>	<i>Hukuman</i>
<ol style="list-style-type: none">1. Jangan menampal lubang di dapur.2. Tidak dibenarkan menyembelih, makan, pukul, pandang dan ejek binatang-binatang liar seperti ular, monyet, arnab atau biawak.3. Tidak boleh memotong baju atau kain di atas katil.4. Tidak boleh mencucuk jarum jahitan di atas katil.5. Tidak dibenarkan memaku dinding.6. Tidak boleh melipat baju di atas katil.7. Dilarang mengecat.8. Tidak boleh memotong kaki ayam.9. Tidak boleh membengkokkan benda yang lurus.10. Tidak boleh mengejek binatang, kehodohan atau kecacatan seseorang atau binatang.	<ol style="list-style-type: none">1. Bayi akan dilahirkan buta atau tidak mempunyai dubur.2. Bayi berkenaan akan menyerupai haiwan-haiwan tersebut.3. Bayi akan menjadi buta.4. Bayi akan menjadi buta.5. Bayi akan menjadi buta.6. Telinga bayi akan terlipat dan bibirnya menjadi sumbing.7. Bayi akan mempunyai tanda lahir pada tubuh atau di muka.8. Bayi akan berkaki atau berjari kontot.9. Anggota badan bayi akan terbengkok.10. Bayi akan menyerupai apa yang diejek.

<i>Jenis Pantang Larang</i>	<i>Hukuman</i>
<ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak boleh membersihkan longkang yang tersumbat. 2. Bahu wanita yang mengandung tidak boleh dipukul. 3. Tidak boleh mengangkat benda yang terletak tinggi. 4. Tidak dibenarkan memindahkan perabot. 5. Tidak boleh makan sotong. 	<p>Si ibu akan keguguran anak yang dikandung.</p> <p>5. Ibu akan meninggal semasa melahirkan anak.</p>

yang tersumbat, perbuatan itu seolah-olah berhubungkait dengan rahim wanita yang mengandung. Ini bermakna rahim wanita yang mengandung itu yang dibersihkan dan mengakibatkan keguguran.

Bahu wanita yang mengandung sekiranya dipukul akan mengejutkan bayi di dalam kandungan dan menyebabkan keguguran. Walau bagaimanapun larangan kepada wanita yang mengandung tidak boleh mengangkat benda-benda yang berat tidak berkait dengan kuasa supernatural. Ini sebagai satu langkah keselamatan supaya barang yang diangkat tidak terjatuh dan mencederakan wanita berkenaan.

Bagi wanita mengandung yang memindahkan perabot, dikatakan si bayi juga akan mengalami suatu keadaan permindahan. Si bayi dikhawatir akan berpindah kedudukan asalnya dari rahim si ibu. Keadaan ini akan mengakibatkan keguguran.

Mereka juga dilarang makan sotong. Sotong dikatakan akan menyulitkan kelahiran bayi dan membawa maut kepada si ibu. Kesulitan ini disebabkan placenta (uri) akan terlekat pada rahim itu, dan akan menghalang bayi keluar.

Si ibu juga tidak dibenarkan berjalan dengan kaki ayam. Ini disebabkan lantai yang sejuk boleh mendatangkan kesan yang buruk kepada tubuh badan. Orang Cina memandang rendah kepada ibu yang melahirkan anak yang cacat. Kecacatan ini menggambarkan tingkah laku buruk si ibu dan akan dipulaukan oleh mertua sendiri.

Orang Cina amat mementingkan anak lelaki. Ini disebabkan anak lelaki boleh melanjutkan keturunan mereka melalui pewarisan nama nenek moyang. Anak perempuan hanya menjadi milik ibu bapa buat sementara waktu sahaja. Apabila berkahwin, anak perempuan

dianggap menjadi milik keluarga suaminya.

Orang Cina akan melihat perut ibu yang mengandung untuk menentukan jantina bayi. Jika perut kelihatan tajam, kemungkinan besar bayi yang dikandung adalah anak lelaki. Sebaliknya jika perut ibu agak bulat, bayi yang dikandung adalah perempuan.

Perut ibu yang mengandung tidak boleh digosok selalu, kerana bimbang anak akan menjadi manja. Walau bagaimanapun, kepala bayi yang baru lahir hendaklah digosok selalu, kerana kepala yang masih lembut boleh dibentuk supaya lebih cantik.


Pantang larang yang telah disebutkan tadi sentiasa dipatuhi oleh masyarakat Cina. Mereka percaya sekiranya pantang larang dilanggar, kuasa-kuasa ghaib akan murka dan akan menjatuhkan hukuman kepada wanita yang melanggar pantang. Orang Cina percaya kuasa-kuasa ghaib ini boleh melindungi wanita dan bayi yang dikandungnya.

Selain pantang larang yang telah dinyatakan, terdapat satu pantang larang yang dikaitkan dengan kuasa ghaib atau ketuhanan. Wanita yang hamil tidak dibenarkan melakukan penyembahan di kuil-kuil, malahan segala permintaan dan doa wanita berkenaan hendaklah dilakukan oleh ibu wanita tersebut atau wakilnya.

Walau bagaimanapun larangan ini hanya dikenakan kepada wanita yang mengandung anak sulung.

Selalunya ibu wanita yang hamil akan memohon kepada dewi-dewi di kuil supaya melindungi keselamatan si bayi dan ibunya, menyihatkan tubuh badan mereka dan memudahkan kelahiran. Untuk mendapatkan cucu lelaki, dia dikehendaki membawa bersama sekuntum bunga putih, sementara bunga merah untuk mendapatkan bayi perempuan. Setelah dibawa ke kuil, bunga berkenaan diletak di bawah bantal wanita yang mengandung.

Bagi wanita yang mengandung lebih daripada satu kali dan ingin membuat penyembahan, dia dilarang



Sebuah kuil

berlutut. Sekiranya dia berlutut, dikhawatir patung dewa itu akan berdiri.

Mengelak Pantang

Adat mengelak pantang perlu dipatuhi sebagai sebahagian daripada keperluan hidup wanita yang mengandung termasuk ahli keluarganya. Contohnya, mengerat dan memotong kaki ayam yang hendak dimasak, membersihkan longkang yang kotor dan tersumbat dan memindahkan perabot.

Adat ini bertujuan mengelakkan si ibu daripada dijatuhkan hukuman oleh tuhan akibat tidak mematuhi pantang larang tersebut. Terdapat beberapa cara mengelak pantang yang diamalkan mengikut keadaan dan jenis patang larang.

Sekiranya salah seorang ahli keluarga terdekat wanita itu meninggal dunia, sehelai kain atau selembar benang merah akan diikat pada pinggang wanita itu. Warna merah menjadi pilihan kerana melambangkan kebahagiaan dan menentang unsur kesedihan (kematian).

Alternatif lain, dengan cara mengikat sepasang kayu penyepit pada tulang belakang wanita. Dengan ini, pertembungan unsur kehidupan dan kematian yang membawa nasib yang tidak baik dapat dielakkan.

Cara lain ialah dengan menggunakan tiga bahan utama, iaitu sedikit garam, daun teh dan beras yang ditabur di sekeliling tempat pantang larang dilakukan. Semasa menabur, wanita itu dikehendaki menyebut sesuatu dan berdoa kepada kuasa ghaib supaya tidak mendatangkan sebarang hukuman atau keburukan.

Walau bagaimanapun, sekiranya pantang larang yang telah ditetapkan dilanggar oleh wanita yang hamil secara tidak sengaja, dia hendaklah melakukan upacara mententeramkan kuasa-kuasa ghaib. Ini bertujuan hukuman tidak dijatuhkan ke atas wanita berkenaan. Caranya ialah dengan membuat penyembahan di kuil atau kawasan lapang seperti di



Jangan memotong kaki ayam

kawasan luar rumah dengan membakar kayu colok.

Waktu Kelahiran

Bayi yang baru dilahirkan akan diberi berbagai-bagai tafsiran menurut bentuk fizikal mereka. Sekiranya pada kepala bayi terdapat lebih daripada satu pusar, bayi tersebut dipercayai akan menjadi nakal dan degil, sementara telinga yang tebal dan lebar pula akan menjadi orang kaya.

Setelah sehari dilahirkan, rambut bayi dicukur bagi membolehkan rambut yang baru tumbuh. Rambut yang lahir bersama bayi dianggap sementara. Adat ini sebagai memberi



Makanan yang pedas dan panas


pengiktirafan terhadap kelahiran orang baharu ke dalam masyarakat. Bayi berkenaan tidak boleh dipuji, sebaliknya hendaklah disebut dengan kata-kata yang kurang sedap didengar seperti hodoh, buruk dan sebagainya. Kata-kata ini untuk mengelakkan gangguan syaitan.

Apabila bayi berumur sebulan, kenduri diadakan. Semua saudara mara akan diberikan sejenis kuih khas yang berbentuk bulat, berwarna merah dan kuning dengan berintikan kacang, serta telur yang diwarnakan dengan warna merah.

Pemberian ini akan dibalas dengan hadiah-hadiah yang berupa pakaian untuk si bayi dan pati ayam untuk si ibu. Pati ayam dipercayai dapat menguatkan tubuh badan si ibu.

Ibu yang baru bersalin akan dijaga dengan rapi. Mereka terpaksa berpantang selama 40 hari dan dilarang mandi menggunakan air sejuk kerana dikhawatir angin akan masuk ke dalam badan. Oleh itu, mereka hanya dilap dengan tuala yang dibasahkan dengan air panas, dipakaikan dengan pakaian yang tebal, berstokin dan berkasut.

Dari segi pemakanan, mereka akan dihidang dengan sejenis makanan yang diperbuat daripada ayam yang dimasak bersama halia dan lada yang dicampur arak. Campuran bahan dan ramuan yang pedas dan panas ini dipercayai



Daging ayam dimasak dengan halia

dapat memulihkan tenaga dan mengeluarkan angin daripada badan si ibu.

Bagi masyarakat Cina, nama memainkan peranan yang amat penting dalam hidup seseorang. Untuk menentukan si bayi bakal mendapat nasib yang baik, nama-nama yang bersesuaian diberikan.

Nama orang Cina mempunyai tiga patah perkataan. Perkataan pertama merupakan nama keluarga (menurut nama bapa), perkataan kedua mewakili nama generasi di kalangan adik beradik, manakala perkataan ketiga panggilan bagi diri sendiri. Pemberian nama diberi berdasarkan unsur Yin dan Yang serta dibuat menurut perhitungan matematik Cina.

Selain itu, beberapa aspek penting perlu diambil kira untuk memberi nama kepada bayi, iaitu:

1. Mempunyai bunyi yang sedap didengar. Ini bertujuan menghindarkan nada yang tidak baik dan memudahkan panggilan.
2. Mempunyai unsur-unsur Yin dan Yang yang seimbang.
3. Mempunyai maksud yang baik seperti melambangkan kekayaan dan kesejahteraan.
4. Mempunyai lima unsur utama yang saling melengkapi iaitu emas, api, air, tanah dan kayu.
5. Nama mesti dibuat berdasarkan kiraan matematik, iaitu nombor yang terhasil tidak bertentangan dan hendaklah sepadan.



Unsur-unsur alam perlu diambil kira



Nama mempengaruhi watak seseorang

Kegagalan memberikan nama yang baik, apabila unsur Yin dan Yang tidak berada dalam keadaan yang seimbang, pelbagai gejala yang tidak diingini akan timbul. Masyarakat Cina sentiasa berwaspada supaya nama yang diberikan tidak mengandungi tiga patah kata Yang dan Yin. Bagi nama yang baik, hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya satu atau dua unsur Yin dan Yang.

Golongan perempuan diwakili oleh unsur Yin yang bercirikan negatif, manakala lelaki mewakili unsur Yang yang mempunyai elemen positif. Lelaki dikatakan lebih bersikap terbuka manakala perempuan dianggap berfikiran sempit dan tertutup.

Oleh yang demikian, nama seseorang bayi harus disusun secara seimbang yang mengandungi unsur Yin dan Yang. Kegagalan memberikan nama yang baik juga akan mempengaruhi perjalanan hidup seseorang, sama ada akan ditimpa kecelakaan atau mendapat kesejahteraan.

Kerumitan orang Cina memilih nama yang sesuai untuk seseorang bayi kadangkala menyebabkan mereka mengambil masa yang agak lama, khususnya bagi mereka yang masih terikat dengan adat yang terpaksa merujuk kepada kitab-kitab yang tertentu.



Inginkan kejayaan dalam perniagaan

PERAYAAN-PERAYAAN

Masyarakat Cina paling banyak merayakan hari kebesaran dan pelbagai perayaan lain. Mereka akan memuja apa-apa sahaja yang diperlakukan dapat mendatangkan kekayaan, nasib yang baik, keuntungan, keselamatan dan kesejahteraan hidup. Mereka juga dikatakan amat taksub kepada keturunan dan nenek moyang mereka.

Setiap perayaan yang disambut mengandungi pelbagai maksud dari segi sosial, ekonomi, budaya dan agama. Semua perayaan disambut oleh semua golongan tidak kira tua atau muda, keturunan atau jantina. Perayaan juga dikatakan sebagai cara untuk mengumpulkan semua kaum keluarga, saudara mara dan sahabat handai yang tinggal berjauhan.

Persiapan menyambut perayaan selalunya dibuat secara bekerjasama dan bergotong royong. Dengan cara ini permusuhan antara individu dapat dihapuskan.

Melalui perayaan dipercayai manusia boleh memohon kepada dewa untuk memperoleh kekayaan. Orang Cina tidak dapat mengelakkan diri daripada mempraktis elemen-

elemen tradisional dan kepercayaan kuno dalam setiap perayaan mereka.

Perayaan-perayaan tersebut dapat melambangkan tingkah laku sesebuah masyarakat kerana amalan yang dipraktis dibuat berdasarkan perwatakan, pemikiran dan cara hidup.

Perayaan juga sebagai satu cara untuk menghidupkan kembali nilai-nilai murni nenek moyang dan meneruskan kesinambungan kebudayaan sesuatu kaum.



Menjelang hari perayaan

Kebudayaan dapat ditakrifkan sebagai keseluruhan cara hidup yang dihasilkan melalui pemikiran dan tingkah laku.

1. Perayaan Tahun Baru Cina

Perayaan Tahun Baru Cina atau Gong Xi Fa Cai yang bermaksud salam sejahtera dan murah rezeki disambut pada hari dan bulan pertama kalendar orang Cina setiap tahun.

Sebagai menandakan kedatangan tahun baru, perayaan ini disambut secara besar-besaran dan penuh meriah. Semua keluarga yang tinggal berjauhan akan pulang untuk berkumpul dan merayakan perayaan ini bersama-sama. Sekeliling rumah dibersihkan, rumah dihias indah dan kadang kala perabot-perabot lama ditukar.


Pada sebelah petang sebelum Tahun Baru Cina, satu jamuan diadakan secara besar-besaran. Jamuan ini disertai oleh seluruh ahli keluarga. Pelbagai jenis hidangan disediakan untuk menambahkan kemeriahian.

Menjelang waktu malam, diadakan pula upacara memuja dewa langit sebagai mengalu-alu kedatangan hari bahagia. Ini akan diikuti dengan pembakaran mercun oleh kanak-kanak dan orang dewasa yang berlarutan hingga ke pagi.

Pada hari pertama Tahun Baru Cina, setiap orang akan berpakaian baru bewarna merah. Warna merah dipercayai sebagai lambang kehidupan dan kesejahteraan yang abadi.

Bagi mereka yang telah berkahwin dikehendaki memberi angpau kepada saudara mara dan teman-teman yang belum berkahwin. Pada hari itu juga setiap penghuni rumah tidak keluar ke mana-mana kecuali menziarahi kaum keluarga terdekat.

Semasa berziarah mereka menghabiskan masa dengan berkumpul, bercerita dan berhibur, mereka juga akan bermain judi. Adalah dipercayai bahawa sekiranya seseorang itu menang dalam permainan judi, sepanjang tahun itu akan membawa tuah dalam hidup mereka. Mereka juga akan makan



Langit sungguh bermakna

beramai-ramai sebaik sahaja selesai upacara menyembah nenek moyang.

Makanan yang amat popular adalah daging babi, manisan, kuih-muih dan ayam. Makanan-makanan seumpama ini dikatakan akan mendatangkan berkat kepada setiap isi rumah.

Mereka juga akan membawa hidangan yang serupa termasuk buah-buahan semasa menziarah saudara mara dan sahabat terdekat. Perbuatan saling bertukar hidangan telah menjadi satu budaya di kalangan masyarakat Cina.

Sepanjang tempoh dua hari perayaan ini disambut, orang Cina dilarang menyapu sampah kerana perbuatan ini dikhuatir akan menghalau keluar segala tuah. Selepas hari ketiga barulah rumah dibersihkan semula.

Dua jenis makanan yang menjadi lambang utama Perayaan Tahun Baru Cina ialah buah limau Mandarin dan kuih bakul. Kuih bakul merupakan kuih tradisi yang mesti disediakan pada setiap Tahun Baru Cina. Kuih ini diperbuat daripada campuran tepung beras dan gula merah.

Kuih ini dihidangkan kepada dewa-dewa pada malam Tahun Baru Cina. Masyarakat Cina percaya pada malam tersebut dewa-dewa akan turun ke dunia dan akan mengunjungi setiap rumah.

Kuih yang liat dan melekit ini dihidangkan sebagai satu cara untuk menutup mulut dewa berkenaan supaya tidak menghabarkan sesuatu yang buruk dalam rumah mereka kepada tuhan.

Seseorang itu dilarang berkelahi, mengeluarkan kata-kata kesat, keluar jauh dari rumah dan menjahit pakaian untuk memelihara nasib yang sentiasa baik.

Semua perbuatan ini dikatakan akan mendatangkan sial. Oleh yang demikian, bagi menghalau nasib sial itu, mercun dibakar. Bunyi dan cahaya dari mercun ini dipercayai dapat menghalau semangat jahat dan hantu-hantu lapar daripada mengganggu kehidupan manusia.



Limau amat popular bagi orang Cina



Tarian Singa

Pada hari kesembilan Tahun Baru Cina merupakan hari yang paling besar bagi suku kaum Hokkien. Pada hari ini mereka melakukan pemujaan terhadap Dewa Langit. Hari tersebut dianggap hari terakhir Tahun Baru Cina.

Bagi suku kaum Cina yang lain, mereka akan terus berpesta sehingga hari ke-15. Hari yang ke-15 ini dikenali dengan nama Chap Goh Meh. Pada sepanjang Tahun Baru Cina, tarian singa dan tarian naga dimainkan dari rumah ke rumah dan dari kedai ke kedai untuk memberi berkat kepada mereka yang merayakan Tahun Baru Cina.

Kedua-dua tarian ini dikatakan dapat memberi tuah dan kehidupan yang sejahtera kepada tuan rumah yang bermurah hati memberikan angpau. Tarian Naga juga

melambangkan ketangkasan, kekuatan dan kemewahan, manakala Tarian Singa dipercayai boleh mendatangkan ong atau tuah.

2. Perayaan Kuih Bulan

Perayaan Kuih Bulan dikenali juga dengan Pesta Tanglung. Perayaan ini disambut pada hari ke-15 dalam bulan lapan kalender Cina. Perayaan ini dinamakan Pesta Bulan kerana diadakan sewaktu bulan mengambang dan mencapai peringkat purnama.

Perayaan Kuih Bulan dirayakan sebagai menghormati seorang bidadari yang bernama Chang Ge yang menjadi dewi dan menyalakan cahaya di bulan. Kisahnya bermula apabila Chang Ge jatuh hati kepada Hou Yi, seorang pemburu yang

pandai memanah. Akhirnya mereka berkahwin.

Kemunculan sepuluh matahari pada musim panas menyebabkan manusia menderita, air sungai mendidih, tumbuh-tumbuhan mati dan tanah menjadi kering. Chang Ge memujuk suaminya Hou Yi supaya memanah sembilan matahari supaya manusia dan hidupan lain tidak sengsara. Setelah sembilan matahari dijatuhkan, manusia dapat hidup dengan selesa.

Kejayaan Hou Yi menjadi pujaan penduduk dan mendapat sanjungan yang amat tinggi. Akhirnya Hou Yi menjadi lupa diri dan mulai bertindak zalim. Dia memaksa para penduduk menurut segala kemahuannya. Perubahan sikap Hou Yi ini membuatkan Chang Ge berasa sedih dan semua penduduk mulai membenci Hou Yi.

Akibat terlalu ghairah untuk mendapatkan kemewahan hidup, dia berjumpa dengan Datuk Dewi supaya diberikan ubat untuk tinggal dan menetap di syurga buat selama-lamanya. Permintaannya dimakbulkan dengan syarat ubat itu mesti dimakan pada masa ke-15 bulan lapan.

Apabila Chang Ge mengetahui niat suaminya, dia pun mencuri ubat itu dan mematahkan panah suaminya. Setelah menyedari tindakan isterinya, Hou Yi cuba menangkap Chang Ge.



Tanglung

Bagaimanapun Chang Ge sempat menelan ubat yang diberikan oleh Datuk Dewi lalu mendapat dirinya diangkat ke langit. Apabila sampai di bulan, Chang Ge disambut oleh Dewa Bulan dan ditugaskan sebagai dewi yang menyalakan tanglung hablur di istana bulan, supaya bulan menjadi lebih terang dan menarik.

Kebaikan Chang Ge dikenang oleh para penduduk lalu menjadikan hari ke-15 sebagai mengenang malam Chang Ge dinaikkan ke bulan.

Terdapat cerita lain yang dikisahkan tentang asal-usul perayaan ini. Perayaan ini dikatakan bermula pada tahun 1271 Masihi di negara China yang diperintah oleh Dinasti Mongol. Pemerintah Mongol sangat kejam dan selalu

melakukan penindasan ke atas orang Cina berketurunan Han.

Segala keistimewaan hanya dinikmati oleh bangsa Mongol. Orang Han dilarang menggunakan peralatan besi dan dilayan seperti warga negara kelas kedua. Penggunaan sebilah pisau dapur dihadkan kepada tiga buah keluarga. Mereka juga tidak dibenarkan keluar pada waktu malam dan menggunakan lampu.

Keadaan ini menimbulkan kemarahan kepada orang Han. Satu gerakan bawah tanah disusun di bawah pimpinan Chu Yuan Chang untuk menentang pemerintahan Mongol di kota Chu Chou.



Sebuah tokong

Percubaan kali pertama menemui kegagalan. Satu strategi baharu atas nasihat Liu Po Wen disusun. Liu Po Wen telah menyamar sebagai seorang sami lalu berjaya memasuki kota Chu Chou. Dia berpakaat dengan para penentang dan menyebarkan

maklumat menyatakan kota berkenaan akan ditimpah wabak penyakit.

Cara untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa ialah setiap orang Han dikehendaki memasang bendera, menyalakan tanglung dan membunyikan gong pada tengah malam hari ke-15 dalam bulan lapan. Setiap seorang diberikan sekeping kuih bulan yang mesti dipotong pada tengah malam dan dibacakan azimat yang terkandung di dalam kuih itu.

Setelah tiba waktunya, orang Han pun berbuat demikian. Mereka mendapati pada azimat itu tertulis seruan supaya orang Mongol

dibunuh pada masa itu juga. Orang Han pun bangkit menentang orang Mongol dengan dibantu oleh tentera Chu Yuen Chang.

Kota Chu Chou akhirnya dapat ditakluki semula. Oleh yang

demikian, Perayaan Kuih Bulan disambut sebagai merayakan ulang tahun kemenangan orang Han yang berjaya merampas kembali tanah air mereka daripada orang Mongol.

Kuih Bulan dianggap amat istimewa dan mesti dibuat di dalam perayaan ini. Kuih Bulan berbentuk bulat, berintikan kacang bercampur kuaci dan telur masin. Kuih ini boleh juga didapati dalam bentuk ikan, ayam dan sebagainya.

Semasa perayaan ini berlangsung, kanak-kanak akan merayau-rayau pada waktu malam dengan membawa tanglung yang dibuat dan direka dengan pelbagai warna. Anak-anak muda pula mengambil kesempatan untuk mencari pasangan. Pada perayaan ini juga dipercayai amat baik bagi pasangan yang hendak berkahwin.

Dewa-dewa yang berada di rumah juga akan dijamu sempena perayaan ini, iaitu dengan meletak buah-buahan seperti limau bali di meja pemujaan. Daun-daun limau bali direndam di dalam kolam air atau tempat simpanan air mandian. Perbuatan ini dipercayai dapat menghilangkan segala sial pada badan.

3. Perayaan Chap Goh Meh

Perayaan Chap Goh Meh disambut sebagai menandakan tamatnya Perayaan Tahun Baru Cina iaitu bermula pada hari yang ke-15. Perayaan ini juga dikenali dengan nama Pesta Yuan Siau.

Pesta ini dikatakan mula disambut oleh kerajaan Han. Pesta ini diraikan dengan upacara pemujaan dewa-dewi untuk meminta



Dewa dan Dewi dipuja



Persembahan tarian naga

perlindungan supaya kehidupan ahli keluarga sentiasa aman sentosa dan tidak ditimpa kecelakaan.

Pesta Chap Goh Meh selalunya berlarutan hingga tiga hari tiga malam. Sepanjang tiga hari tiga malam setiap rumah akan diterangi dengan cahaya lampu yang terang. Mercun dibakar untuk menghasilkan bunyi yang kuat. Tarian Naga dan Tarian Singa dipersembahkan untuk menambahkan kemeriahian.

Upacara akhir pesta ini diadakan dengan melempar buah-buah limau Mandarin ke dalam laut oleh anak-anak muda yang berhasrat untuk mencari jodoh. Walaupun adat ini semakin kurang diperlakukan, pasangan muda mudi mengambil kesempatan untuk berkumpul dan bersiar-siar di tepi pantai sewaktu upacara itu, dengan harapan semoga perhubungan mereka akan berkekalan hingga ke jinjang pelamin.

Dalam upacara ini semua orang berpeluang untuk mendapatkan sesuatu yang dingini, bergantung jenis barang yang dilempar. Contohnya, untuk mendapatkan suami yang baik, seseorang wanita itu harus melempar bawang ke dalam laut.

Sayur-sayuran dilempar bagi memperoleh menantu lelaki yang baik. Bagi orang yang berkeinginan untuk mendapatkan kebahagiaan yang berlarutan, mesti melempar buah kurma. Kacang tanah pula dilemparkan bagi mereka yang inginkan umur yang panjang. Bagi yang bercita-cita untuk mendirikan bangunan yang besar, hendaklah melontar batu ke dalam laut.

Perbuatan ini diwarisi sejak turun temurun. Dari segi lain, pesta ini dapat menjalin hubungan mesra antara satu sama lain dengan berkumpul beramai-ramai di tepi pantai pada setiap tahun.

PENUTUP

Adat resam dan budaya masyarakat Cina yang diwarisi daripada nenek moyang mereka kaya dengan nilai kesenian dan amat menarik. Sebahagian daripada masyarakat Cina tradisional masih setia mengamalkan adat dan budaya mereka berbanding sebahagian daripada masyarakat Cina moden yang lahir di Malaysia.

Adat resam dan budaya akan diancam kepupusan jika tidak dipelihara dengan baik. Oleh itu, pihak-pihak tertentu haruslah mengambil inisiatif untuk memelihara adat ini.